

**PERKEMBANGAN GERAKAN ISLAM PAS DAN PERJUANGAN DAKWAH DI  
KELANTAN, 1951-2000**

***THE DEVELOPMENT OF ISLAMIC MOVEMENT BY PAS AND THE STRUGGLE OF  
DA'WA IN KELANTAN, 1951-2000***

**Siti Ruzana Ab Ghani\***

**Rahilah Omar\*\***

**Azlizan Mat Enh\*\*\***

**Russli Kamaruddin\*\*\*\***

**Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**

**Abstrak**

Artikel ini membincangkan perkembangan gerakan Islam PAS (Parti Islam Se-Malaysia) dan perjuangan dakwah di Kelantan antara tahun 1951-2000. Gerakan Islam ini berjuang untuk mencapai kemerdekaan negara dengan menekankan perjuangan berteraskan Islam. Sesudah negara mencapai kemerdekaan 31 Ogos 1957, PAS berusaha mengisi kemerdekaan negara dengan menubuhkan sebuah negara Islam. Hakikatnya, PAS adalah parti awal di Tanah Melayu yang berusaha dan berjuang dalam menuntut kemerdekaan dan bergerak sebagai sebuah gerakan dakwah yang akhirnya menguasai Kelantan. Objektif artikel ini adalah untuk mengenal pasti perjuangan dakwah gerakan Islam PAS di Kelantan di samping menganalisis perkembangan gerakan Islam PAS di Malaysia yang membawa kepada faktor-faktor kemunculan gerakan Islam PAS di Kelantan. Pendekatan perbincangan dalam artikel ini berdasarkan kepada sumber-sumber primer dari arkib gerakan Islam PAS Pusat dan sumber-sumber sekunder. Kajian mendapati bahawa gerakan Islam PAS memainkan peranan utama dalam perjuangan dakwah kepada masyarakat di Kelantan khususnya masyarakat Melayu. Walaupun pada peringkat awal kemunculannya dianggap sebagai ajaran Islam yang lari daripada landasan agama kerana menggunakan pendekatan politik dalam perjuangan dakwah. PAS dapat membentuk kehidupan sosial masyarakat ke arah model kehidupan Islam yang syumul. PAS juga telah memperkukuh institusi pengajian agama bagi keperluan masyarakat Kelantan serta masyarakat luar untuk mendapatkan ilmu agama Islam yang *ad-din* serta menjadikan Kelantan sebagai salah sebuah negeri yang digelar sebagai serambi agama di Malaysia.

**Kata kunci:** Sejarah Islam, Perjuangan, Kepimpinan Ulama, Masyarakat Melayu

**Abstract**

*This article discusses the development of the Islamic Movement PAS (Se-Malaysia Islamic Party and the Da'wa struggle in Kelantan between 1951-2000. This Islamic movement strives to achieve the country's independence by emphasizing the Islamic struggle. Following the country's independence on the 31<sup>st</sup> August 1957, PAS sought to overthrow the country's independence by establishing an Islamic state. The fact is, PAS is a party early in Malaya who strive and fight in the independence and move as a missionary movement that eventually dominate Kelantan. The purpose of this article is to identify the struggle of the PAS Islamic movement in Kelantan and to analyze the development of the PAS Islamic movement in Malaysia leading to the emergence of the PAS Islamic movement in Kelantan. The discussion approach in this article is based on primary sources from the PAS Central Islamic movement archive and secondary*

*sources. The study found that found that PAS's Islamic movement played a major role in the fight preaching to the people, especially the Malays in Kelantan. Although in its early stages it was regarded as an Islamic teaching that ran away from the religious foundation for using a political approach in the struggle for preaching. PAS was able to shape the social life of the community towards a model of Islamic life. PAS has also strengthened religious education institutions for the needs of the Kelantanese and outsiders to gain Islamic religious knowledge as well as to make Kelantan one of the states designated as a religious hub in Malaysia.*

**Keywords:** *Islamic History, Struggle, Scholarly Leadership, Malay Society.*

## **Pengenalan**

Gerakan Islam adalah sebagai wadah yang memperjuangkan kepentingan ummah terutamanya masyarakat Melayu dan mempunyai prinsip-prinsip tersendiri kerana pada umumnya ia diasaskan kepada keikhlasan untuk berjuang dengan tujuan dan cara yang serba Islamiyyah. Selaras dengan ini, maka setiap *harakah* Islam perlu menjadi gerakan ‘*Rabbani*’ dalam erti kata setia pada idealism dengan menjunjung tinggi kalimah Allah dan meletakkan agama Islam sebagai anutan yang paling unggul mengatasi agama-agama lain. *Rabbani* juga membawa erti bahawa seluruh konsep, hukum, akhlak, tata susila dan pemikirannya adalah bersumberkan kepada agama Allah yang kekal dan risalah yang terakhir. Ini bererti bahawa yang menjadi pokok asas kepada gerakan Islam ialah supaya semua pihak yang menjadi pendukung kepada *harakah* ini tunduk kepada syari’at Allah dan mereka inilah yang harus menjadi pelopor sebelum golongan bawahan dan anggota biasanya mengikut penyerahan seutuhnya jiwa dan raga kepada gerakan Islam. Prinsip perjuangan *Harakah Islamiyah* iaitu perlu setia kepada norma dan kaedah operasi yang mengikut ketetapan perundangan Islam. Prinsip ini perlu dipegang teguh dan tidak seharusnya digadaikan walaupun menghadapi pelbagai cabaran dalam perjuangan. Gerakan-gerakan Islam tidak ‘anti-pembaharuan’ sebaliknya mempunyai keinginan untuk mengikut perubahan zaman dan kemajuan dalam Islam, sebagaimana yang dikemukakan oleh Fathi Yakan;

Kemajuan dalam bidang ilmu dan penerokaan alam sejagat yang bukan semata-mata bertujuan untuk merakamkan penerokaan-penerokaan baru dalam bidang ilmu tetapi kemajuan yang bertujuan untuk menambah lagi pengetahuan dan makrifat manusia tentang kebesaran, keindahan, kekuasaan dan keagungan Allah Tuhan semesta alam.<sup>1</sup>

Selain itu, gerakan Islam harus bergerak dalam kerangka Islam yang menyeluruh sejajar dengan kedudukan Islam sebagai agama yang sempurna dan pernyataan kepada umat manusia agar mereka masuk Islam dengan menyeluruh. Sehubungan dengan itu, gerakan Islam perlu berorientasikan *salafiy* iaitu mengajak supaya umat kembali kepada akar umbi ajaran Islam yang sebenarnya. Ini juga bermakna bahawa gerakan Islam tidak mengabaikan Sunnah atau aspek kemasyarakatan kerana ia bekerja dan berjuang untuk menghidupkan kembali Sunnah yang suci serta untuk memelihara dan menjaga urusan umat Islam dalam semua perkara. Gerakan Islam mempunyai prinsip berdakwah untuk penyatuan ummah yang konsisten kerana perselisihan ummah akan memberi kesan terhadap perjuangan mereka dan sekaligus hanya akan menyebabkan kegagalan ummah khususnya masyarakat Melayu. Gerakan Islam mengambil pendekatan dakwah Ikhwan al-Muslimin di Mesir dalam strategi menyatukan umat Islam dalam masalah-masalah pokok dan kaedah-kaedah Islam.<sup>2</sup> Sehubungan dengan itu, Imam al-Syahid Hassan al-Banna ada

menyebut dalam ucapannya sempena Mukhtamar Ikhwan al-Muslimin yang keenam. Katanya:

*“...Hubungan kita dengan jamaah lain adalah berasaskan kasih sayang, bekerjasama, berukuwah dan saling mempercayai antara satu dengan yang lain. Kita mengasihi mereka, kita menolong mereka serta mencuba sedaya upaya untuk menghilangkan perbezaan pandangan serta berusaha untuk menyatukannya berasaskan kebenaran dan semangat kerjasama. Pendapat fikah atau khilaf madhhab tidak mungkin meretakkan hubungan antara kami.”<sup>3</sup>*

Dengan keterangan di atas, dapat menjelaskan bahawa prinsip-prinsip perjuangan adalah asas yang penting untuk menentukan kekuatan dan masa depan sesebuah gerakan Islam. Gerakan yang berprinsip perlu bertonggak kepada aqidah dan memberi penekanan kepada dimensi-dimensi lain. Dengan prinsip-prinsip yang konsisten, realistik dan relevan, maka ini sekaligus akan membantu gerakan-gerakan Islam itu membina kekuatan dalaman untuk tampil sebagai kumpulan yang bukan sahaja berpengaruh dalam medan tempatan, tetapi berupaya menjadi model di peringkat antarabangsa.

Bagi gerakan Islam dakwah merupakan perjuangan yang berterusan. Dakwah perlu dijalankan dari masa ke masa dengan mengajak ke arah jalan yang benar sesuai dengan perintah Allah s.w.t dan Rasul-Nya serta melarang dari melakukan kemungkaran supaya beroleh kebahagiaan dunia dan akhirat.<sup>4</sup> Konsep dakwah adalah merupakan satu tuntutan agama ke atas setiap Muslim sama ada ke atas dirinya sendiri mahupun ke atas orang lain. Dalam menghadapi cabaran semasa, dakwah amat diperlukan khususnya daripada gerakan-gerakan Islam agar masyarakat dapat dibimbing dan dipimpin. Melalui aktiviti dakwah yang dijalankan oleh gerakan Islam maka, ajaran-ajaran Islam sentiasa berdiri tegak dan dijamin oleh masyarakat.<sup>5</sup>

Oleh itu, artikel ini akan membincangkan perkembangan gerakan Islam PAS (Parti Islam Se-Malaysia) dan perjuangan dakwah di Kelantan antara tahun 1951-2000. Gerakan Islam PAS adalah parti awal di Tanah Melayu yang berusaha dan berjuang dalam menuntut kemerdekaan dan bergerak sebagai sebuah gerakan dakwah yang akhirnya menguasai Kelantan. Gerakan Islam PAS juga mempunyai perbezaan dengan gerakan-gerakan Islam yang lain di Malaysia. Hal ini kerana gerakan Islam PAS adalah gerakan Islam yang menggunakan pendekatan medan politik sebagai perantaraan untuk menyampaikan dakwah. Melalui dakwah politik maka gerakan Islam PAS berusaha untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu di Malaysia khususnya di Kelantan dalam menghayati dan mengamalkan cara hidup Islam. Bagi gerakan Islam PAS, politik dan agama adalah perkara yang tidak boleh dipisahkan dalam menyampaikan dakwah dan memartabatkan politik Islam. Dua Elemen ini sangat penting dalam usaha menguruskan dan membangunkan manusia. Oleh sebab itu gerakan Islam PAS menyatakan bahawa konsep dakwah dan politik perlu digarap bersama dalam memperjuangkan dakwah.<sup>6</sup>

### **Gerakan Islam PAS di Malaysia**

Parti Islam Se-Malaysia (PAS) adalah rangkaian gerakan Islam sedunia yang lahir bertali arus daripada *islah* dan *tajdid*. Ini kerana atas sambungan dalam perjuangan Islam yang syumul daripada gerakan di dunia Islam. Pendekatan politik adalah sebahagian daripada ajaran Islam yang tidak boleh dipisahkan dalam gerakan Islam

untuk mentadbir negara.<sup>7</sup> Menurut Hamdan, perjuangan PAS adalah kerana menghadapi kesan daripada agenda penjajahan akal, budi dan segala aspek cara hidup umat Islam, akibat kejahilan agama sendiri, penyelewengan pemimpin dan kelemahan kalangan ulama. Perjuangan PAS dikepong oleh kalangan umat Islam sendiri sebelum menghadapi musuh yang nyata. PAS berjuang kepada golongan seumat dan sebangsa.<sup>8</sup> Ternyata rasa cinta terhadap Islam masih wujud dalam diri setiap anggota umat Islam, namun kejahilan dan kebekuan pemikiran menjadikan mereka latah membuat kenyataan-kenyataan yang bercanggah dengan agama tanpa disedari. Maka PAS terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran sehingga mencetus isu-isu dakwah yang perlu dijelaskan secara ilmiah kerana kebuntuan kefahaman masyarakat Melayu terhadap perjuangan PAS dalam meneruskan dan mewarisi ajaran para anbiya a.s.<sup>9</sup>

PAS telah ditubuhkan secara rasmi pada 23 Ogos 1951. Namun begitu, ada pandangan lain yang menyebut bahawa PAS ditubuhkan pada 24 November 1951.<sup>10</sup> Dalam hal ini pengkaji menganganggap PAS ditubuhkan secara rasminya pada 24 November 1951 kerana pada 23 Ogos 1951 hanya dikemukakan idea penubuhannya sahaja. PAS merupakan gerakan Islam yang pertama menggunakan pendekatan politik Melayu dalam berdakwah yang berteraskan Islam yang ditubuhkan sebelum merdeka sesudah Hizbul Muslimin (HAMIM) yang diharamkan oleh penjajah pada tahun 1948.<sup>11</sup> PAS yang muncul pada tahun 1951 telah memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu pada waktu itu untuk melihat syiar Islam agar dapat ditegakkan dan didaulatkan di negara ini. Golongan reformis ini bukan sahaja berjaya menyedarkan masyarakat Melayu tentang betapa pentingnya menghapuskan penjajah Barat bagi mewujudkan sebuah negara Islam, tetapi turut menyuarakan pendapat bahawa kelemahan umat Islam sebenarnya adalah berpunca daripada masyarakat Islam yang tidak mahu mengikut ajaran Islam dengan betul sebagaimana yang terkandung dalam al-Quran dan Sunnah.

Dalam usaha mereka menyedarkan masyarakat tentang pentingnya kembali semula kepada Islam, maka pada tahun 1906 mereka telah menerbitkan akhbar al-Imam. Selanjutnya pada tahun 1925 terbit pula akhbar Edaran Zaman di Pulau Pinang dan akhbar al-Ikhwan pada tahun 1926 dan Saudara pada tahun 1928. Dengan terbitnya akhbar-akhbar ini, golongan reformis atau Islah ini telah berjaya mencetuskan revolusi intelektual dalam kalangan masyarakat Melayu dan akhirnya bibit kesedaran yang ditanam itu telah mendorong masyarakat Melayu untuk menubuhkan beberapa persatuan bagi memajukan bangsa Melayu dan umat Islam di negara ini. Persatuan Melayu Pertama bercorak politik yang ditubuhkan di negara ini ialah Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang dipimpin oleh Ibrahim Yaacob. KMM ditubuhkan pada bulan Mei 1937. KMM memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Namun, ia tidak bertahan lama kerana telah diharamkan oleh Jepun semasa Jepun menguasai Tanah Melayu.<sup>12</sup> Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pula ditubuhkan pada 17 Oktober 1945 di Ipoh, Perak. Tujuan PKMM ditubuhkan ialah untuk memperjuangkan kemerdekaan negara ini sepenuhnya. PKMM berkembang pesat dan mempunyai beberapa sayap seperti sayap pemuda yang dikenali sebagai Angkatan Pemuda Insaf (API), dan dipimpin oleh Ahmad Boestamam; sayap wanita dikenali Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan Barisan Tani Se-Malaya (BATAS) untuk kaum petani. Selepas PKMM, lahir pula HAMIM dan UMNO.

Mengikut Safie Ibrahim, asas penubuhan PAS bermula apabila UMNO pada 11 dan 12 Mei 1946 telah bersetuju mewujudkan Bahagian Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan yang diketuai oleh ulama terkenal pada masa itu yang juga merupakan mufti negeri Pulau Pinang iaitu Sheikh Abdullah Fahim. Beliau telah mengemukakan cadangan kepada UMNO untuk menganjurkan satu Persidangan Ulama secara besar-besaran seperti yang diusulkan oleh majlis Agama Hilir Perak. Persidangan alim ulama

telah diadakan pada 21 dan 22 Februari 1950 di Muar, Johor, dan dihadiri 52 orang perwakilan UMNO dan 300 pemerhati. Semua negeri kecuali Pahang menghantar wakilnya. Tiada wakil dari Madrasah al-Ihya Assyariff, Gunung Semanggol, yang hadir walaupun madrasah ini telah melahirkan ramai ilmuan Islam dan menjadi pusat tumbuhnya parti politik Islam yang pertama di Tanah Melayu.<sup>13</sup> Perwakilan persidangan telah dikategorikan kepada empat, iaitu perwakilan dari badan-badan agama, perwakilan dari UMNO Bahagian, perwakilan dari UMNO Daerah dan perwakilan organisasi-organisasi Melayu. Tiap-tiap bahagian UMNO berhak menghantar seorang wakil, sementara Majlis Agama atau Jabatan Agama Islam Negeri atau pertubuhan-pertubuhan agama pula berhak menghantar dua orang wakil.<sup>14</sup>

Persidangan ini yang dimulai dengan bacaan al-Quran telah bermula pada pukul 9.30 pagi dengan dan diikuti dengan ucapan-ucapan oleh Ahmad bin Yaakub (Setiausaha Persidangan) dan Haji Muhammad Nuh bin Umar (Pengerusi Persidangan), Dato Onn' Jaafar sebagai Presiden UMNO tidak dapat hadir merasmikan persidangan ini kerana terpaksa berbincang dengan Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu, mengenai soal kerakyatan *Communities Liaison Committee* (CLC).<sup>15</sup> Ucapan Dato Onn telah dibacakan oleh Dato' Syed Abdul Kadir Yusof, Pengerusi Tetap UMNO.<sup>16</sup> Dalam persidangan ini sebanyak 34 cadangan telah dikemukakan, tapi hanya lapan sahaja yang sempat dibahas dan diputuskan kerana kekangan masa.<sup>17</sup>

Antara cadangan yang dibahas dan diluluskan adalah seperti berikut:<sup>18</sup>

- I. Merayu kepada kerajaan Arab Saudi supaya menurunkan cukai haji yang dikenakan kepada setiap Jemaah haji sebanyak tiga ratus enam puluh ringgit (\$360) dan menyediakan layanan yang lebih baik pada masa hadapan.
- II. Menubuhkan Kolej Islam.
- III. Meminta hari pertama Ramadan dan Syawal diisytihar hari cuti.
- IV. Mendesak kerajaan Persekutuan supaya menubuhkan Majlis Agama di Melaka dan Pulau Pinang.
- V. Mengadakan perhubungan antara Majlis-majlis Agama negeri.
- VI. Diwujudkan derma pelajaran tinggi agama Islam bagi penuntut-penuntut yang belajar di luar negara.
- VII. Menubuhkan badan dakwah agama Islam.

Persidangan ini diberi liputan besar-besaran oleh beberapa akhbar seperti Utusan Melayu yang telah menyiarkannya pada 25 Februari 1950, Warta Negara pada 24 Februari 1950 dan Majlis pada 26 Februari 1950. Liputan yang luas ini menunjukkan pandangan ulama mula mendapat perhatian masyarakat. Ekoran daripada persidangan ini kemudiannya muncul satu tulisan oleh seorang alim muda dari Terengganu, Ustaz Ahmad Fuad Hassan yang ketika itu menganggotai Jawatankuasa Eksekutif UMNO Pusat, dalam lidah rasmi Suara Umno, Ahmad Fuad telah berkata dengan lantang.<sup>19</sup>

Perlembagaan PAS tahun 1951 memperuntukkan pegawai-pegawai PAS adalah terdiri daripada:<sup>20</sup>

- a) Seorang Yang Dipertua Agung
- b) Seorang Timbalan Yang Dipertua Agung
- c) Tiga orang Naib Yang Dipertua Agung
- d) Seorang Setiausaha Agung
- e) Seorang Bendahari Agung

f) 12 orang Ahli Jawatankuasa Kerja

Dalam Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-2 pada 26 dan 27 Ogos 1953, jawatan Penolong Setiausaha dan Setiausaha Kewangan telah diwujudkan.<sup>21</sup> Mesyuarat Agung Tahunan PAS pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954 memutuskan pegawai PAS Pusat hanya mengandungi seramai lapan orang sahaja, seperti berikut:<sup>22</sup>

- a) Seorang Yang Dipertua Agung
- b) Seorang Timbalan Yang Dipertua Agung
- c) Seorang orang Naib Yang Dipertua Agung
- d) Tiga orang Ketua Dewan
- e) Seorang Setiausaha Agung
- f) Seorang Bendahari Agung

Pegawai-pegawai ini akan dipilih untuk tempoh dua tahun. Dalam Mesyuarat Tahunan PAS kali ke-11 pula telah diputuskan jawatan Bendahari Agung akan dilantik oleh Yang Dipertua Agung PAS dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS. Jawatankuasa Kerja Agung ini bertanggungjawab menjalankan pentadbiran, perjalanan dan sebarang hal ehwal di bawah peruntukkan dan kekuasaan Majlis Mesyuarat Agung PAS.<sup>23</sup>

Perlembagaan PAS tahun 1951 memperuntukkan PAS akan mempunyai cawangan. Setiap cawangan boleh diwujudkan oleh sesiapa sahaja yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja PAS disesebuah kawasan. Kawasan tersebut pula mestilah telah mempunyai tidak kurang daripada 100 orang ahli PAS. Mengikut Perlembagaan tahun 1951 ini juga setiap cawangan akan ditadbir oleh Sembilan orang pegawai, iaitu:<sup>24</sup>

- a) Seorang Penasihat
- b) Seorang Setiausaha
- c) Seorang Penolong Setiausaha
- d) Seorang Bendahari
- e) Sekurang-kurangnya lima orang Ahli Jawatankuasa

Perlembagaan PAS 1954 pula memperuntukkan di bawah fasal 15, mengenai penubuhan cawangan. Menurut fasal ini cawangan boleh ditubuhkan dimana-mana tempat yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja Agung PAS. Sesebuah cawangan boleh ditubuhkan, sama ada meliputi sesebuah negeri atau sebuah daerah atau beberapa daerah yang disatukan atau satu kawasan yang telah sedia ada sekurang-kurangnya 50 orang ahli PAS. Dalam Perlembagaan tahun 1963 peruntukkan penubuhan cawangan telah dipinda. Menurut Perlembagaan tahun 1963 sesebuah cawangan boleh ditubuhkan dalam satu daerah di dalam sesebuah negeri dengan syarat telah sedia ada tidak kurang 100 orang ahli PAS.<sup>25</sup> Manakala ranting dalam sesebuah cawangan boleh dibuka di mana-mana tempat dalam cawangan tersebut dengan syarat mempunyai ahli sekurang-kurangnya 15 orang.<sup>26</sup>

sebarang hal ehwal cawangan di bawah peruntukkan dan kekuasaan Majlis Mesyuarat Agung Cawangan.<sup>27</sup> Antara tanggungjawab Jawatankuasa Kerja Ranting ialah berikhtiar seluas-luasnya untuk meramaikan ahli dan membuat sebarang peraturan atau undang-undang di peringkat ranting.<sup>28</sup> Fasal 26(1), Perlembagaan tahun 1954 juga telah memperuntukkan seorang Pegawai Perhubungan Daerah di sesebuah negeri atau daerah dilantik. Pegawai Perhubungan Daerah ini dibolehkan membentuk sebuah jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Perhubungan dan keahlian jawatankuasa ini terdiri daripada wakil-wakil cawangan.<sup>29</sup> Dalam Perlembagaan tahun 1963 peruntukkan Pegawai Perhubungan Daerah telah digantikan dengan Pegawai Perhubungan Negeri.<sup>30</sup> Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali pertama pada 3 Januari 1953 telah meluluskan usul:<sup>31</sup>

*“[...]menubuhkan suatu Dewan Ulama yang mempunyai Ahli-ahli terdiri daripada ulama, menubuhkan suatu Dewan Pemuda yang mempunyai ahli terdiri daripada Pemuda-pemuda dan menubuhkan suatu Dewan Muslimat Yang terdiri daripada ahli-ahli perempuan.”*<sup>32</sup>

Dewan Pemuda ditubuhkan oleh PAS dengan tujuan;

- i Melaksanakan segala tuntutan Islam dan siasah yang berdasarkan demokrasi
- ii Mewujudkan persaudaraan Islam dan menghapuskan perhambaan
- iii Menanam dan menghidupkan jiwa keIslaman serta mengembangkan ajaran Islam

Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda terdiri daripada Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan beberapa orang ahli jawatankuasa yang lain. Dewan Muslimat PAS akan diketuai oleh seorang Ketua, tiga orang Naib Ketua, seorang Setiausaha, seorang Bendahari dan sekurang-kurangnya 10 orang ahli jawatankuasa.<sup>33</sup> Struktur organisasi PAS nampak kemas dan teratur, Cuma persoalannya ialah mengapa ia masih gagal untuk menarik masyarakat negara ini, terutamanya orang Melayu untuk menjadi ahli dan mengundinya dalam pilihanraya umum. Kemungkinan masyarakat Melayu belum yakin kepadanya kecuali di negeri Terengganu dan Kelantan. Lain-lain negeri nampaknya masih di tahap lama. Apa yang menghairankan lagi PAS bermula di Pulau Pinang, tetapi parti ini masih gagal menawan negeri ini, terutamanya dalam pilihanraya 1959 atau 1964. Jentera organisasi belum mantap ketika awal penubuhannya juga menambah lagi kegagalannya memenangi hati rakyat. Berbanding UMNO, PAS pada tahap awal penubuhannya tidak dapat bergerak aktif untuk menonjolkan dirinya.

Keseluruhannya, PAS mempunyai tujuan dan matlamat dalam merealisasikan perjuangan Islam. PAS telah mengekalkan tujuan utama penubuhannya selama 50 tahun iaitu melahirkan masyarakat dan dengan adanya pentadbiran yang mengandungi asas nilai-nilai hidup dan hukum-hukum Islam. Walaupun ada pindaan perlembagaan pada tahun 1962, namun ia tidak mengubah apa yang telah digariskan pada tahun 1951 melainkan memperincikannya supaya lebih jelas. Matlamat dan tujuan ini akan tercapai jika rakyat memberi hak kepada PAS untuk membentuk kerajaan. Selagi ia gagal membentuk sebuah kerajaan maka selagi itu jugalah PAS akan gagal merealisasikan matlamatnya membentuk sebuah negara Islam. Walaupun PAS pernah memenangi beberapa buah negeri dan mempunyai kuasa untuk memerintah secara Islam tapi pelaksanaan secara maksimumnya tidak mungkin boleh selagi Perlembagaan Persekutuan tidak dipinda. Perlembagaan adalah undang-undang tertinggi negara ini

dan mana-mana undang-undang termasuk negeri akan terbatalnya jika bertentangan dengannya.

### **Kelahiran dan Perkembangan PAS di Kelantan**

PAS merupakan sebuah gerakan Islam yang berbentuk politik. Sebagai sebuah parti politik, PAS berusaha untuk mendapatkan sokongan rakyat demi meluaskan parti dan menyampaikan dakwah Islamiyah. Pemimpin PAS menjalankan pelbagai kegiatan dakwah bagi memperkenalkan PAS kepada rakyat di seluruh tanahair. Sehingga 15 Julai, 1953:

*“PAS telah mempunyai 20 cawangan di Semenanjung Tanah Melayu sebagaimana yang diterangkan oleh Ibu Pejabat PAS di Butterworth. Dan pada hari ini cawangan Johor, Negeri Sembilan, Tanjung Karang, dan Pasir Mas Kelantan.”<sup>34</sup>*

Ini menjelaskan bahawa Pasir Mas merupakan cawangan PAS yang pertama ditubuhkan di Kelantan dan Pasir Mas kemudiannya telah menjadi kubu PAS bagi seluruh negeri Kelantan.<sup>35</sup> Menurut Faridah dalam kajiannya menyatakan kenyataan di atas disokong oleh Dato'Asri yang menyuarakan pengetahuan sejarahnya sebagai seorang tokoh yang aktif bergiat dalam PAS. Cawangan PAS yang pertama di Kelantan diusahakan oleh saudara Amalluddin Darus yang tertarik dengan PAS sejak awal penubuhan PAS. Beliau telah meninjau dan mencari kawan-kawan bagi meneruskan perjuangan dakwah PAS di Kelantan. Bermula dengan inilah beliau mencari masyarakat di Kelantan yang sealiran dengan pemikirannya seperti Ahmad yatim, dan Mohammad Noor Haji Senik yang kemudiannya menjadi tokoh yang bergiat sama dalam melahirkan PAS Pasir Mas.<sup>36</sup> Sejak itu, mereka mula menjalankan kegiatan-kegiatan dakwah PAS kepada masyarakat dengan menyampaikan berita-berita PAS daripada seluruh tanahair. Mereka telah mendaftar sebagai Ahli PAS selepas mesyuarat agung PAS yang kedua diadakan di Kepala Batas. Sebagai langkah pertama untuk memenuhi hasrat dan cita-cita ini Amalluddin Darus sendiri pada Disember 1952 telah mengutus surat kepada Ibu Pejabat Agung PAS meminta undang-undang tubuh PAS dan borang menjadi ahli. Ekoran daripada itu, telah melahirkan beberapa orang ahli PAS di Kelantan pada peringkat awal dan mereka telah menjadi penggerak dalam memperkenalkan PAS di Pasir Mas Kelantan.

Amalluddin serta rakan ahli yang lain mencari penyokong dengan cara penerangan secara senyap iaitu bercakap-cakap secara tidak langsung dirumah, dikedai kopi dan ini secara tidak langsung beliau dapat memperkenalkan perjuangan PAS dari seorang individu kepada individu yang lain. Akhirnya beliau dapat mengumpulkan ahli seramai 60 orang ahli dan mesyuarat pertama yang diadakan di Masjid Pasir Mas telah melantik Omar bin Yussof sebagai Yang di Pertua dan Amalluddin sendiri sebagai setiausaha cawangan Pasir Mas di Kelantan. Bermula daripada tarikh ini idea-idea PAS telah mula menular kejiwa masyarakat Kelantan bukan sahaja di pasir Mas tapi juga kejajahan lain. Ada di antara mereka yang berminat pada PAS dari daerah-daerah lain disekitar Kelantan telah mula datan ke Pasir Mas untuk mendapatkan penerangan dan untuk menubuhkan cawangan-cawangan PAS di tempat-tempat lain. Seorang tokoh yang begitu berminat ialah Haji Noor bin Haji Yussof<sup>37</sup> dari jajahan Macang yang telah datang menemui Amalluddin Darus untuk merancang penubuhan PAS cawangan Macang. Akhirnya atas inisiatif tokoh ini maka pada 21 September 1953 PAS cawangan Macang ditubuhkan dalam perjumpaan yang diadakan di Bangunan Madrashah Wataniah Macang<sup>38</sup> yang merupakan sebuah sekolah agama di Macang



yang boleh dikatakan menjadi pusat kegiatan PAS lantaran guru-guru di situ juga kebanyakannya menyokong PAS. Dalam perjumpaan penubuhan ini pegawai-pegawai yang dilantik ialah: Yang Di Pertua Ustaz Ibrahim Muhammad, setiausaha Ustaz Haji Mohammad Daud, Penolong Setiausaha Wan Ismail dan Bendahari Ustaz Salleh Zaki.<sup>39</sup>

Dengan ini lahirlah cawangan PAS yang kedua di Kelantan yang menggambarkan kepada kita pengaruh-pengaruh PAS sudah mulai bertapak yang akhirnya menjadi asas kepada perkembangan PAS seterusnya. Bagaimanapun menurut Haji Mohammad Noor penubuhan PAS cawangan Machang menghadapi banyak masalah untuk menambah bilangan ahli. Beliau berusaha mencari ahli ke merata-rata daerah dengan menaiki basikal, berperahu dan kadang-kadang berjalan kaki. Berkat usaha ahli cawangan PAS Pasir Mas dan macang maka dua cawangan lagi ditubuhkan iaitu cawangan pada 1 Oktober 1954 di Pasir Puteh Kota Bharu dan pada 18 November 1954. Satu mesyuarat yang diadakan di PAS cawangan Pasir Puteh telah melantik Encik Omar bin Yusoff sebagai Yang Di Pertua PAS cawangan tersebut.<sup>40</sup> Hasil inisiatif Encik Husain Othman seorang ahli PAS yang mendaftar menjadi ahli maka satu penerangan PAS telah diadakan di masjid Tanah Merah dengan kebenaran Imam masjid itu sendiri dan akhirnya wujud cawangan PAS di Tanah Merah. Tiga tahun kemudian telah lahir pula PAS cawangan Bachok yang ditubuhkan pada 1 Mac 1957 dalam satu mesyuarat yang dihadiri oleh Dato' Asri, Khaidir Khatib dan Amalluddin Darus.<sup>41</sup>

Apabila tertubuhnya cawangan-cawangan PAS dimerata-rata daerah ini membuatkan kedudukan PAS semakin kukuh di Kelantan. Kegiatan PAS di Kelantan diperhebat dengan mengadakan ceramah-ceramah, rapat-rapat umum, kempen dari rumah ke rumah dengan memperkenalkan PAS dikelantan kepada masyarakat dan diselarikan dengan unsur-unsur keagamaan.<sup>42</sup> Selain itu diadakan kursus-kursus politik dimana isinya diperkenalkan ideologi dan perjuangan PAS seperti yang diadakan di Kubang Benban, di sebuah sekolah agama yang diadakan pada setiap minggu.<sup>43</sup> Usaha-usaha PAS di setiap cawangan membawa kepada penubuhan ranting-ranting yang baru seperti di Pulau Condong, Kampung Pek, Kabah, Mata Air dan Mektik.<sup>44</sup> Bagi cawangan Kota Bharu dari Penyata Tahunannya yang ditubuhkan sejak 1954 hingga 1955, lebih banyak ranting ditubuhkan<sup>45</sup> Bermula daripada penubuhan PAS di setiap cawangan membawa kepada banyak ranting-ranting ditubuhkan.<sup>46</sup>

### **Faktor-Faktor Kemunculan PAS Sebagai Badan Dakwah**

Menegakkan negara Islam menjadi tujuan utama dalam gerakan Islam. Matlamat penubuhan PAS adalah untuk menuju kepada penyebaran dakwah kepada masyarakat Melayu. Penyebaran dakwah di Malaysia adalah tugas yang berat dan mencabar kerana ia adalah amanah dan aspirasi umat Islam dari sebuah negara yang telah melalui proses sekularisasi di peringkat masyarakat, institusi, mahupun negara, disamping penularan pembaratan dengan aspek-aspek negarti yang dibawa oleh Inggeris dan masih mempengaruhi masyarakat. Umat Islam di Malaysia sedang menghadapi tentangan-tentangan besar pasca merdeka.<sup>47</sup> Ia bukan sahaja memberi impak kepada kedudukan Islam sebagai "*Pan-National Order*"<sup>48</sup> tetapi juga turut memberi kesan kepada gerakan Islam kumpulan penyampai dakwah dan perubahan masyarakat.<sup>49</sup> Justeru itu gerakan Islam di Malaysia harus memberikan tumpuan kepada dakwah terhadap masyarakat Melayu. Gerakan Islam mempunyai tanggungjawab sebagai *dai'* dan tidak hanya tertumpu kepada membantu dimensi sosial dan keperluan masyarakat sahaja tetapi dapat membantu manusia agar mereka mampu menolong diri sendiri mereka sendiri.<sup>50</sup> Menurut Siddiq Fadhil perjuangan dakwah gerakan Islam bukan sahaja dalam

kegiatan lisan dan tulisan tetapi juga dalam segala aspek kehidupan sosial bermasyarakat dalam strategi memenangi hati masyarakat. Ini kerana potensi ahli-ahli gerakan Islam adalah berbeza-beza dalam kemampuan berdakwah. Setiap orang harus berdakwah mengikut kemampuannya agar penyampaian dakwah disampaikan dalam pelbagai kaedah.<sup>51</sup>

Keperluan ini membawa kepada gerakan Islam di Malaysia untuk mempunyai acuan sendiri yang selari dengan persekitaran tempatan (*al-Manhajul-Maliziyy*), tidak harus diabaikan.<sup>52</sup> Sebagaimana yang diperkatakan oleh Fazlur Rahman dari University Chicago, Islam mengalami perkembangan pesat, kerana '*inner intersity of life*' yang ada pada Islam. Gerakan Islam di Malaysia mesti digarap sepenuhnya '*inner intersity of life*' bagi mengatasi isu-isu yang tidak diinginkan seperti individualism, materialism, kebebasan seks dan politik kotor.<sup>a</sup> Menurut Ziauddin Sardar adalah menjadi tanggungjawab ummah untuk memberi perhatian kepada masa depan Islam dan tidak memperlihatkan kelemahan Islam.<sup>53</sup> Kesan peninggalan penjajah dapat dilihat bermula pada abad ke-20, dalam kehidupan masyarakat Melayu di negara kita yang hidup dalam kesengsaraan dan kemelaratan, namun ini tidak dijadikan sebagai satu alasan untuk Islam menjadi kuat serta cemerlang. Ini diakui oleh Presiden Amerika, Richard Nixon telah mengajak pembuat-pembuat dasar Amerika supaya melihat Islam bukan sahaja sebagai suatu agama, tetapi adalah suatu tamadun besar yang sedang beraksi di pentas dunia.<sup>54</sup>

Di kebanyakan negara mereka menggunakan strategi untuk menghancurkan dan memeralatkan orang-orang agama yang naif dan '*opportunist*' termasuk menekan dan menyikir mereka yang berwibawa.<sup>55</sup> Namun di Malaysia, gerakan Islam memainkan peranan utama dalam menjaga dan mempertahankan agama Islam. Perjuangan Islam tidak mungkin akan tegak ditangan orang-orang yang jahil. Gerakan Islam mempunyai *fikrah Islamiyyah* dan *aqliyah Muslimah* dalam bimbingan dan orientasi *Ulum Islamiyah* serta *tarbiyah* ke arah kesepaduan ilmu yang diperjuangkan oleh gerakan Islam PAS, ABIM dan Jamaah Tabligh. Menurut Yusuf Qardhawi, penubuhan gerakan Islam adalah selari dengan hala tuju perjuangannya iaitu penekanan terhadap ciri-ciri yang membezakan Islam dari agama, falsafah dan ideologi-ideologi yang dikenali oleh manusia ialah ciri '*asy-syumul*' atau kemenyeluruhan dengan segala pembawaan maknanya yang merangkumi dan meliputi segala-galanya dalam aspek kehidupan.<sup>56</sup>

## **PAS Pencetus Gerakan Dakwah**

Parti Islam Se-Malaysia (PAS) merupakan sebuah gerakan Islam yang menggunakan pendekatan politik Islam di Malaysia yang terlibat dengan aktiviti dakwah dan bergerak secara sepadu menangani isu agama di negara ini.<sup>57</sup> John Funston menyatakan PAS merupakan sebuah parti politik yang berorientasikan agama kerana tokoh-tokoh yang mengasaskannya adalah orang yang berlatarkan pendidikan agama dan sebahagian pemimpinnya terdiri daripada orang-orang yang berpengetahuan agama, terutamanya guru-guru.<sup>58</sup> Sebagai sebuah gerakan Islam, PAS menangani isu-isu agama seperti isu sekularisme, ajaran sesat, murtad, takfir, Islamisasi dan lain-lain lagi bagi mempertahankan kesucian Islam.<sup>59</sup> PAS mengambil beberapa pendekatan seperti dakwah, penerangan, tarbiah, perundangan, politik dan pilihan raya dalam menangani isu tersebut. Ahli Dewan undangan Negeri, Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara dari parti itu menggunakan kedudukan mereka masing-masing berbahas dan memberikan pandangan di dewan-dewan tersebut dalam menangani isu agama.<sup>60</sup> Dasar PAS ialah Islam<sup>61</sup> dan PAS memperjuangkan kehidupan masyarakat Melayu dalam negara ini yang menjalani kehidupan dengan mengamalkan norma-norma Islam dan

pemerintah yang melaksanakan syariah Islam.<sup>62</sup> Dengan meletakkan Islam sebagai dasarnya, PAS memperjuangkan cita-cita Islam secara berterusan.<sup>63</sup> Funston menyatakan dengan berlandaskan falsafah politik Islam, PAS telah dianggap sebagai sebuah parti politik yang mempunyai ideologi yang jelas.<sup>64</sup> Dalam memperjuangkan cita-cita itu, PAS tidak menjadikan medan politik sebagai satu wasilah semata-mata, tetapi juga terlibat dalam dakwah, pendidikan, kebajikan, ekonomi dan lain-lain aktiviti.

Ahli-ahli parti itu digerakkan secara aktif dalam program tarbiah sama ada di masjid, surau dan lain-lain pusat pendidikan. Mereka disemarakkan dengan budaya ilmu secara berterusan. PAS meletakkan kalimah suci “Allah Akbar” sebagai seruan dalam perjuangannya.<sup>65</sup> Seruan itu merupakan satu amanah sebagai ‘Khalifah Allah’ di muka bumi bagi melaksanakan perintah Allah SWT secara syumul. Bagi merealisasikan amanah itu, PAS menggerakkan aktiviti melalui keputusan mesyuarat atau majlis syura ulamanya. Parti ini berjuang menyeru masyarakat untuk menegakkan hukum Allah SWT dan Sunnah Rasulullah s.a.w menerusi dakwah secara lisan, tulisan dan amalan.<sup>66</sup> Pemimpin-pemimpinnya memberikan penjelasan dan penerangan kepada masyarakat menerusi ceramah, dialog, diskusi dan lain-lain seluruh Malaysia. Risalah-risalah dan buku-buku diterbitkan untuk mengukuhkan kefahaman masyarakat tentang ajaran Islam. PAS memperjuangkan Islam sebagai akidah dan syariah.<sup>67</sup> Masyarakat tidak berpegang kepada akidah yang benar kerana ianya melahirkan penyerahan diri kepada Allah SWT dan menerima segala hukumNya.<sup>68</sup> Isu yang membabitkan akidah menjadi bahan utama di dalam ucapan pemimpin-pemimpin PAS sama ada di Dewan Undangan Negeri, di Dewan Rakyat, di Dewan Negara dan di luar ketiga-tiga dewan itu. Isu sekularisme, ajaran sesat, Islamisasi dan murtad adalah antara isu-isu yang ditangani secara serius oleh pemimpin-pemimpin parti ini. PAS menentang habis-habisan sebarang ajaran sesat dan gerakan murtad yang menghancurkan akidah umat Islam di negara ini.

Bagi mencapai tujuan tersebut PAS bergerak dalam gelanggang dakwah dan politik sekali gus. Parti ini jurubicara dan pembela umat Islam dalam memenuhi aspirasi dan mempertahankan kepentingan mereka. Umat Islam khususnya masyarakat Melayu di negara ini ingin mengisi perjuangannya dengan apa yang menjadi keyakinan mereka sebagai umat Islam.<sup>69</sup> Mereka mahu negara ini merdeka sepenuhnya dan mengisi kemerdekaan dengan sistem pemerintahan Islam. Sehubungan dengan itu, PAS menggariskan matlamat yang berbentuk jangka pendek dan jangka panjang. Dalam undang-undang tubuh PAS telah dinyatakan dengan jelas matlamat tersebut, Menurut Prof Zulkifli Muhammad, bekas timbalan Yang Dipertua Agung PAS menghuraikan kedua-dua matlamat itu dalam tulisannya.<sup>70</sup> Matlamat perjuangan jangka pendek ialah membebaskan negara dari penjajahan. Kemerdekaan adalah penting sebagai jambatan yang boleh menyampaikan kepada terlaksananya cita-cita menegakkan Islam. Selagi negara dijajah maka selama itulah cita-cita terhalang dan umat Islam terus berada dalam kehinaan. Kemerdekaan mengandungi nilai yang besar dan mengangkat maruah umat Islam. Sebagai sebuah parti politik Islam, PAS wajib berjuang membebaskan negara dari penjajahan. PAS mentafsirkan kemerdekaan dengan tafsiran yang luas iaitu membebaskan umat Islam dan negara dari sebarang bentuk penjajahan oleh orang-orang bukan Islam dalam politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan dengan memberi jaminan menjaga hak kaum lain. PAS memperkenalkan kemerdekaan tulen kepada rakyat jelata serta menanamkan semangat demokrasi ke dalam jiwa mereka. Di samping itu PAS juga mengatur dengan kemas untuk mencapai kemerdekaan tersebut.<sup>71</sup>

Matlamat perjuangan jangka panjang ialah mengisi kemerdekaan negara dengan dasar Islam. Kemerdekaan yang diperolehi tidak memberi makna jika dasar Islam

dipinggirkan. Menurut Prof Zulkifli Muhammad menyatakan pendirian PAS bahawa kemerdekaan negara harus diisi dengan ideologi Islam kerana dengannya sahajalah rakyat khususnya masyarakat Melayu dan negara terjamin kebahagiaan dan keselamatan yang sebenarnya.<sup>72</sup> Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, perjuangan PAS memasuki tahap kedua iaitu memperjuangkan cita-cita Islam dalam masyarakat dan urusan pemerintahan negara. Tugas PAS dalam mengisi kemerdekaan ini ialah mendaulatkan undang-undang Islam.<sup>73</sup> Sehubungan dengan itu peranan PAS ialah membentuk Tanah Melayu menjadi sebagai sebuah negara Islam. Negara Islam yang menjadi cita-cita PAS ialah *Baldatun Taiyibatun Warabun Ghafur*, iaitu negeri yang baik dari Tuhan yang mengampuni. Negara itu bercirikan kemakmuran, keamanan, keadilan dan menyuruh membuat kebaikan sertamelarang membuat kejahatan.<sup>74</sup> Dalam usaha untuk mendirikan negara Islam dan mendaulatkan hukum Allah SWT, PAS berjuang melalui saluran demokrasi untuk mendapatkan kuasa pemerintahan yang disebut sebagai kuasa politik.<sup>75</sup> Tanpa memperoleh kuasa politik, PAS tidak akan berjaya melaksanakan perintah Allah SWT dengan sepenuhnya. Rasullullah s.a.w. berhijrah ke Madinah untuk mendapat kuasa politik bagi menggerakkan perjuangan Islam dengan berkesan.

Perjuangan PAS mengambil perhatian dengan segala perkembangan isu, lebih-lebih lagi isu yang berlegar dalam kalangan umat Islam. PAS meletakkan misi perjuangannya berdasarkan panduan al-Quran sebagai teras perjuangan untuk mengajak umat Islam kepada beramal dengan syariat Islam. Di atas teras inilah matlamat PAS tidak boleh dipisahkan daripada usaha ke arah mencapai kuasa untuk memartabatkan Islam sebagai agama yang merangkumi semua sistem hidup manusia. Sehubungan itu, PAS meletakkan wadah politik dan dakwah seiringan dalam usaha memenangi hati masyarakat. Maka akhlak dan ucapan pemimpin serta penampilannya hendaklah menyentuh secara langsung isu-isu yang berkaitan dengan seruan politik Islam dan kebenaran Islam. PAS menjadikan pilihanraya sebagai medan untuk mencapai matlamat politik dan dakwahnya kepada masyarakat Melayu Islam.<sup>76</sup> Medan pilihanraya merupakan medan persaingan dasar politik dan calon dengan pihak lawan. Oleh itu, pihak PAS sejak dari penubuhannya amat peka dengan segala macam perkembangan isu semasa yang boleh membantu parti dan calon meraih sokongan dan keyakinan atas dasar Islam yang diperjuangkan. Lebih-lebih lagi dalam isu yang bermanfaat untuk kepentingan semasa dan masa depan umat Islam demi memperkasakan sistem hidup berasaskan Islam.

Ini dapat dibuktikan dengan pengalaman PAS di Kelantan yang memperjuangkan Islam melalui politik dan dakwah. Perjuangan PAS sentiasa mengambil perhatian terhadap perkara-perkara yang bersifat semasa dan nilai-nilai keutamaan (*aulawiyat*) menurut ajaran Islam. Kesemuanya berlaku tatkala PAS di Kelantan mula-mula berkuasa tahun 1990. Ketika itu, umat Islam belum lagi mempunyai kesedaran tinggi terhadap isu-isu berkerajaan secara Islam. Ia berlaku sebaik sahaja PAS mendapat mandat berkerajaan di Kelantan. Kerajaan PAS iaitu Menteri besar telah menguruskan sistem muamalat di Kelantan mengikut ekonomi Islam dengan memindahkan akaun kerajaan dari bank riba ke bank Islam. Ini menunjukkan kerajaan Kelantan adalah sebuah kerajaan yang menjadikan matlamat politik dan dakwah dalam menyuburkan sistem kewangan Islam. Ini adalah isu besar telah dapat diuruskan oleh PAS selaku sebuah gerakan Islam. Selaku Menteri Besar Kelantan, urusan kewangan begini adalah bayangan politik-dakwah yang bersifat *political will*. Sifat ini tidak ada dalam kalangan pemerintahan berbentuk sekular di negara kita. Inilah antara kekuatan PAS dalam menzahirkan nilai dan hasrat murni dalam menyuburkan amalan Islam dalam pentadbiran kerajaan-demi keredaan Allah SWT. Ini kerana PAS di Kelantan telah mewujudkan prinsip pengurusan isu-isu untuk martabat Islam berpandukan tiga teras

utama iaitu ubudiah (*perhambaan*), mas'uliah (tanggungjawab), dan itqan (kebenaran). Dengan ini hukum Islam dapat diaplikasikan yang selalunya sering dipandang tidak penting oleh sesetengah pihak, malah ada pihak yang menolaknya, maka langkah kerajaan negeri Kelantan menggubal dan meluluskan Kanun Jenayah Syariah II pada 25 November 1993 telah membuka mata banyak pihak akan tanggungjawab dan peranan kuasa dalam memartabatkan hukum sebagaimana diperintahkan oleh Allah SWT. Ini memberi manfaat kepada masyarakat Melayu amnya terhadap hukum berlandaskan Islam.

Kepentingan PAS menerajui kerajaan dapat dilihat terhadap *sentiment* salah faham terhadap Islam dapat dikurangkan. Sepanjang PAS mentadbir, tembok pemisah antara Islam dengan pelbagai pihak dapat diruntuhkan sedikit demi sedikit. Justeru ada nilai baik kepada kekuatan sistem Islam dapat disuburkan secara beransur-ansur. Ia berlaku berikutan kerajaan PAS di Kelantan melaksanakan pelbagai polisi mesra ummah. Natiujahnya, beberapa isu yang diragui mengenai kebaikan Islam telah dapat dibendung. Antaranya pendekatan Negeri Berkebajikan telah mengindahkan tasawwur berkerajaan dalam Islam bukanlah berpaksikan 'menghukum' sebagaimana digambarkan oleh puak sekular-kebangsaan. Pelaksanaan 'berkebajikan' sebenarnya telah mendekatkan masyarakat dengan isu-isu semasa, terutama yang menyentuh hak dan kepentingan awam. Ini menjadi keutamaan agenda PAS melaksanakan sistem perkhidmatan berkerajaan berteraskan Islam. PAS yang mentadbir negeri Kelantan ini turut memberi perhatian untuk meranapkan isu-isu yang membawa ketajaman hubungan antara kaum dan nilai-nilai rasis (perkauman). Justeru pendekatan sosio-budaya telah diberi perhatian, meskipun disisi Islam isu sosio-budaya bukan perkara utama. Antara yang dilakukan ialah memberi hak dan kebebasan untuk semua kaum mengamalkan adat resam, kepercayaan dan aktiviti ekonomi mereka. Simbol toleransi hubungan antara kaum juga diterapkan menerusi pembinaan "Masjid Beijing" di Rantau Panjang dan pintu gerbang Dewan Perniagaan Cina di Kota Bharu yang berkonsepkan senibina Cina. Di samping mengesahkan hak milik dan tanah untuk rumah ibadat bukan Islam. Ini telah menimbulkan rasa puas hati masyarakat setempat.

Mengambil kira pendekatan Islamik sedemikian, isu-isu seni budaya dalam masyarakat turut dipandu agar tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Termasuklah sedia membenarkan permainan wayang kulit, dengan syarat tidak ada unsur tahyul, dan jalan cerita serta watak yang dibawa hendaklah bersifat reality dan semasa. Asasnya, setiap apa yang dilakukan hendaklah berpegang kepada tali Allah dan pendekatan yang diajar oleh Islam. Walau bagaimanapun, PAS di Kelantan turut berhadapan dengan segala macam cabaran di dalam menangani isu-isu sepanjang mentadbir negeri. Antaranya terpaksa berdepan dengan peninggalan dan warisan penjajah serta gerakan sekular. Justeru itu PAS sebagai sebuah gerakan Islam, berdepan dengan cabaran yang memang alang-alang bagi menanganinya dengan kekuatan dan keberkatan.<sup>77</sup>

### **Perkembangan Perjuangan Dakwah Gerakan Islam PAS**

PAS membina keupayaan untuk melahirkan kader-kader parti yang berwibawa melalui tarbiah dan majlis ilmu sebagai program penting bagi menyebarkan Islam dan menterjemahkan pelaksanaannya kepada masyarakat.<sup>78</sup> Pembinaan Markaz Tarbiah di Taman Melewar, Gombak yang siap pembinaannya pada akhir Mei 1985 dan juga pusat-pusat tarbiah di peringkat negeri ialah untuk memenuhi tujuan tersebut supaya masyarakat memahami Islam secara syumul. Setiap ahli parti itu diwajibkan supaya sentiasa menjadikan Islam sebagai pegangan dan amalan agar dapat menjalani kehidupan secara syumul serta berjuang menghadapi segala cabaran berlandaskan

akidah yang benar.<sup>79</sup> Ahli-ahli parti juga ditingkatkan kefahaman mereka menerusi pelbagai seminar seperti *Seminar al-Quran dan As-sunnah, Seminar Fiqh Ad Dakwah*<sup>80</sup> dan lain-lain. Seminar tersebut penting sebagai bekalan kepada aktivis PAS untuk memberi penjelasan kepada orang ramai tentang kesyumulan Islam. Selain program tersebut, para aktivis dibekalkan dengan kefahaman yang berterusan melalui usrah-usrah, *daurah tadribiah* dan tamrin yang diadakan di semua peringkat.<sup>81</sup> Melalui *daurah tadribiah*<sup>82</sup> aktivis parti dibina fikrah mereka dengan jelas supaya dapat menyampaikan ajaran Islam dengan cara yang betul.<sup>83</sup>

Program tersebut merupakan langkah untuk memperkembangkan sistem pentarbiahan PAS dengan harapan ianya mampu menjadi bahan rujukan ahli parti itu.<sup>84</sup> *Daurah Tadribiah* mempunyai manhaj yang baik bagi memastikan operasi *amar makruf* dan *nahi mungkar* berjalan lancar, teratur, tersusun, mengikut perancangan, berfasa dan beragenda.<sup>85</sup> Usrah pula mampu meningkatkan kefahaman Islam dalam kalangan ahlinya dan masyarakat umum. Kelompok-kelompok usrah yang tumbuh dalam parti itu menjadi medan melahirkan masyarakat yang faham Islam dan seterusnya para *amilin* (para pekerja) yang bekerja untuk memartabatkan Islam. Markaz tarbiah, masjid dan surau di seluruh negara dijadikan gelangang PAS untuk membasuh pemikiran masyarakat umum dari fahaman sekular. Presiden PAS sendiri di samping menyampaikan kuliah minggunya di masjid Rusila, Terengganu juga menyampaikan kuliah bulanan di Markaz Tarbiah, Taman Melewar, Kuala Lumpur.<sup>86</sup> Hampir semua pemimpin PAS di semua peringkat mempunyai pengkalan masing-masing di setiap negeri dan kawasan mendidik masyarakat memahami Islam yang syumul. Malah setiap tempat yang ada manusia semuanya menjadi ruang oleh PAS untuk mentarbiah masyarakat.

PAS juga mengagihkan bantuan berupa kewangan dan barangan sumbangan dari orang ramai kepada mereka yang memerlukan seperti fakir miskin, musafir, para pelajar,<sup>87</sup> anak-anak yatim, mangsa musibah dan lain-lain kepada masyarakat.<sup>88</sup> Pihak PAS pernah bercadang kepada kerajaan Malaysia menubuhkan Tabung Pembebasan Kemiskinan (TPK) bagi menyelesaikan masalah kemiskinan di Malaysia khususnya orang Melayu Tabung ini dicadangkan berfungsi secara terus menyalurkan bantuan kepada golongan fakir sehingga membebaskan mereka dari cengkaman kefakiran dan kepada golongan miskin pula diberi bantuan sehingga mereka mampu berdikari. Bantuan tersebut boleh diberhentikan bila kedua-dua golongan itu berjaya melepaskan diri dari cengkaman kemiskinan.<sup>89</sup>

### **Sokongan Masyarakat Terhadap Dakwah Gerakan Islam PAS di Kelantan**

PAS mendapat sokongan yang begitu menggalakkan daripada masyarakat Kelantan kerana pertalian diantara ideologi yang dibawa oleh PAS sendiri dengan keadaan sosio-politik masyarakat Kelantan pada masa itu. Ini kerana keIslaman yang telah sedia ada memudahkan ideologi gerakan Islam PAS dapat menyampaikan dakwah di Kelantan. Kelantan merupakan sebuah negeri yang mempunyai ideologi Islam yang telah disematkan dalam jiwa masyarakat dengan pengertian Islam sebagai cara hidup yang meliputi seluruh aspek penghidupan mereka. Keadaan ini adalah disebabkan pengaruh keislaman yang lahir dari sistem pendidikan Islam yang telah lama tumbuh dan bertapak di Kelantan.<sup>90</sup> Sebelum Perang Dunia Kedua lagi Kelantan dikenali oleh masyarakat Melayu di Tanah Melayu sebagai pusat pendidikan Islam. Hasil dari sistem pendidikan yang wujud di Kelantan ini telah melahirkan ramai golongan-golongan ulama yang mempunyai pendirian agama yang teguh. Bukti dari keadaan ini ialah kita dapati kesedaran yang pertama terhadap PAS adalah dari golongan-golongan ulama-

ulama yang terdiri dari guru-guru sekolah pondok dan ulama dikampung-kampung. Bagi ulama-ulama ini berpolitik adalah merupakan kerja-kerja kebajikan yang diperintahkan oleh Tuhan. Dari keadaan ini maka dengan mudah sahaja PAS memperolehi penyokong-penyokong terutama dari golongan ulama-ulama yang sememangnya menerima prinsip-prinsip yang dibawa oleh PAS dan bersesuaian dengan jiwa mereka yang mengembangkan pengajaran dakwah Islam kepada masyarakat. Golongan ulama dan guru-guru pondok ini pula merupakan:

*“...Golongan yang berpengaruh dalam masyarakat yang mendapat sanjungan, dan apa sahaja pandangan dan pendapat yang dibuat oleh ulama ini dengan senang sahaja diterima oleh masyarakat Kelantan. Kemunculan sekolah-sekolah pondok disegenap sudut negeri ini menunjukkan bahawa peranan ulama pondok itu berkesan sekali. Masyarakat Melayu dan orang-orang Islam di Siam dan Kemboja menganggap negeri Kelantan sebagai Serambi Mekah.”<sup>91</sup>*

Ini merupakan satu keadaan yang nyata mengapa masyarakat di Kelantan boleh dikatakan hidup dalam suasana dan jiwa ke-Islaman yang kukuh dimasa itu. Kepentingan golongan ulama dan guru-guru pondok ini dapat kita lihat terutama dalam kalangan masyarakat Melayu dikampung-kampung di mana dari aspek penghidupan masih tradisional, jadi bagi mereka golongan ini merupakan golongan yang harus dihormati dan diutamakan dalam penghidupan mereka sehari-hari.<sup>92</sup> Dari keadaan ini dapat kita hubungkan dengan perjuangan PAS itu sendiri yang dikatakan sebagai pergerakan masa seluruhnya yang meliputi seluruh golongan masyarakat di Kelantan. Dari keadaan ini maka tidak hairanlah mengapa PAS mendapat sokongan dari golongan yang berpendidikan dan golongan petani-petani di kampung yang mempunyai pegangan agama yang kuat.

Lahirnya keistimewaan ini juga dapat kita kaitkan dengan ciri masyarakat Kelantan terutamanya dikampung-kampung yang meletakkan agama sebagai lambang hidup dan perpaduan mereka. Oleh itu hal-hal yang berkaitan dengan agama mudah meresap dijiwa mereka dan senang sekali diterima oleh rakyat tanpa banyak dipertimbangkan lagi. Selain daripada itu salah satu fenomena penting di Kelantan ialah ‘menentang pendapat dan ajaran ulama adalah suatu perkara yang kacau dan menyesatkan’.<sup>93</sup> Gambaran ini dijelaskan di mana kadang-kadang terdapat mereka yang terlalu fanatik terhadap ulama tanpa membuat pertimbangan yang sewajarnya kepada sesuatu keadaan yang kadang-kadang sepatutnya dipertimbangkan. Di samping itu dapat juga dikatakan bahawa golongan yang mendapat pendidikan agama itu sememangnya sejak awal bergiat dan memainkan peranan penting dalam gerakan Islam sebagai badan dakwah berbentuk politik di tanahair. Pernah ditegaskan ‘bahawa kesedaran kebangsaan bagi orang-orang Melayu mula-mula sekali timbul di dalam dada golongan intelek yang berpendidikan agama’.<sup>94</sup> Namun kebenaran ini tidak dapat diterima sepenuhnya bagi Kelantan. Di Kelantan, ‘sungguh pun sudah ada kesedaran kebangsaan Melayu dalam kalangan golongan guru-guru dan murid-murid sekolah pondok sejak tahun dua puluhan lagi, penyertaan golongan ini, khususnya di Kelantan, dengan penuh minat dalam gerakan Islam PAS yang berbentuk politik.’<sup>95</sup>

Di samping itu golongan-golongan ulama telah memudahkan dalam membantu gerakan Islam PAS menyampaikan dakwah kepada masyarakat Melayu di Kelantan. Walaupun PAS di Kelantan dikatakan mempergunakan dan memperalatkan golongan-golongan ulama dalam gerakan ini, namun golongan-golongan ulama ini menerima idea-idea PAS kerana selari dengan jiwa mereka dan mereka merelakan diri untuk bergiat dalam gerakan Islam PAS. Sebagai bukti sokongan yang diberikan oleh

masyarakat pada PAS adalah dengan melihat daerah-daerah yang terdapat banyak sekolah-sekolah pondok dan guru-guru agama maka disitulah merupakan kubu PAS. Sebagai contoh daerah Pasir Mas merupakan kubu gerakan Islam Pas awal di Kelantan dapat kita lihat dalam Penyata Agung PAS di Kepala Batas kepada Tuan ‘*Assistance Registrar of Society*’ di Penang:

*“Ulama-Ulama dalam jajahan Pasir Mas adalah satu perjumpaan baru-baru ini telah bersetuju memberi sokongan penuh kepada PAS. Perjumpaan ini telah diadakan di Madrasah Haji Encik Man di mana kira-kira 30 orang alim ulama hadir dan mereka berpendapat PAS tidak bermusuh dengan mana-mana parti pun tetapi memperjuangkan menuntut kemerdekaan.”<sup>96</sup>*

Dengan ini gerakan Islam PAS mudah untuk menyampaikan dakwah kerana rentetan daripada bantuan para ulama di Kelantan. Perjuangan Dakwah PAS di Kelantan berjalan dengan lancar dengan penglibatan masyarakat Melayu yang mengamalkan cara hidup Islam sejak Islam bertapak lagi.

## **Kesimpulan**

Perjuangan dakwah PAS dalam membela bangsa Melayu bukanlah sama sekali berdasarkan faham-faham menyeleweng dan ekstrem melainkan berdasarkan hakikat kedudukan istimewa Islam dan orang Melayu. Sebagai gerakan Islam, perjuangan dakwah PAS telah menjadi penyumbang kepada kemerdekaan Tanah Melayu dan sekaligus memainkan peranan utama sebagai penegak agama dan pembela bangsa Melayu di negara ini sehingga tahun 2000. Perkembangan perjuangan gerakan Islam PAS di Malaysia telah menjadi tunjang asas fahaman Islam yang kukuh, mendasari perjuangannya menentang penjajah, yang pendudukannya membawa bersama agama khususnya kepada masyarakat Melayu di Kelantan. Walaupun PAS menggunakan pendekatan politik, namun perjuangan dakwah tidak lari daripada landasan agama, hukum dan budaya yang asing serta bertentangan dengan kepentingan agama dan bangsa Melayu khususnya di Kelantan. PAS sentiasa bertegas dalam memperjuangkan kedudukan istimewa bangsa Melayu, Bahasa Melayu dan kebudayaan Melayu yang menjadi tunjang negara Malaysia. Ini kerana asas-asas negara ini terbina melalui kehidupan orang Melayu yang menjadi bangsa majoriti asal negara ini. Gerakan Islam PAS juga dapat membentuk kehidupan sosial masyarakat ke arah model kehidupan Islam yang syumul. PAS telah memperkukuh institusi pengajian agama bagi keperluan masyarakat Kelantan serta masyarakat luar untuk mendapatkan ilmu agama Islam yang *ad-din* serta menjadikan Kelantan sebagai salah sebuah negeri yang digelar sebagai serambi agama di Malaysia.

---

Nota

\* **Siti Ruzana Ab Ghani** merupakan calon Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) di Program Sejarah, Pusat Dasar dan Governans Global, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

\*\* **Dr. Rahilah Omar** merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Pusat Dasar dan Governans Global, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

\*\*\* **Prof Madya Dr. Azlizan Mat Enh** merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Pusat Dasar



dan Governans Global, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

\*\*\*\* **Dr. Russli Kamaruddin** merupakan Pensyarah dan Ketua Program di Jabatan Politik dan Strategi, Pusat Dasar dan Governans Global, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

<sup>1</sup> Fathi Yakan, *Apa Ertinya Saya Mengenal Islam*, (terjemahan) Alias Othman, Kuala Lumpur, Pustaka Salam, 1984, hlm.141.

<sup>2</sup> Shamsul Azhar Yahya, Penglibatan Politik dan Penindasan ke atas Ikhwan Al-Kuslimin dalam Sejarah Perkembangan Politik Mesir, 1928-2005, *SEJARAH, Journal of the Department of History, University of Malaya*, Vol. 16, No. 16 (2008), hlm. 81-103.

<sup>3</sup> Muhammad Abu Al-Fathi Al-Bayanuniy, *Penyatuan Kerja Gerakan Islam : Di Antara Kenyataan dan Harapan*, terjemahan Mustaffa Mat Daud, Petaling Jaya, Budaya Ilmu Sdn. Bhd, 1992, hlm.46-47.

<sup>4</sup> Hamzah Ya'qub, *Publisistik Islam Teknik Da'wah dan Leadership*, Bandung, C.V. Diponegoro, 1992, hlm.13.

<sup>5</sup> Sidi Gazalba, *Islam dan Perobahan Sosiobudaya (Kajian Islam tentang Perubahan Masyarakat)*, Jakarta, Pustaka Alhusna, 1983, hlm.111.

<sup>6</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur, International Institute Of Islamic Thought And Civilization, 1993, hlm.17.

<sup>7</sup> Amin Fadillah dan Mohammad Redzuan Othman, Dinamika PAS (Malaysia) dan PKS (Indonesia) dalam Perjuangan Mewujudkan Negara Islam, 1998-2008, *SEJARAH, Journal of the Department of History, University of Malaya*, Vol. 21, No. 1 (2013), hlm. 196-223.

<sup>8</sup> Nordi Achie, Islam dan Politik di Malaysia: Satu Penelitian Awal Terhadap Sejarah, Pergolakan dan Perjuangan Politik Harkah, 1987-2007, *SEJARAH, Journal of the Department of History, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya*, Vol. 26, No. 2 (2017), hlm. 38-48.

<sup>9</sup> *Ucapan Dasar Presiden PAS* Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang, Presiden PAS, 3 Mac 2013.

<sup>10</sup> Presiden PAS, Dato' Fadzil Noor dalam ucapan dasar yang berjudul "Menyanggah Serangan, Menjana Kemenangan, "Kuala Lumpur, Markaz Tarbiyah PAS, 2001, turut mengakui tarikh 24 November 1951 sebagai tarikh rasmi penubuhan PAS, tetapi idea kelahirannya dipersetujui buat pertama kalinya pada Persidangan Ulama Kedua pada 23 Ogos 1951. Kenyataan yang sama juga diakui oleh Hassan Shukri, seorang AJK PAS Pusat dalam dokumen temubual pada 11 November 2006 di Markas Tarbiyyah PAS Pusat, Taman Malewar. Akhbar Warta Negara pada 26 November 1951 dan akhbar Utusan Melayu bertarikh 25 November 1951 juga menyebut tarikh 24 November 1951 sebagai tarikh penubuhan PAS. Untuk keterangan lanjut sila lihat dalam Ahmad Fauzi Abdul Hamid, *Islamic Resurgence In The Periphery: A Study Of Political Islam In Contemporary Malaysia With Special Refrence To The Darul Arqam Movement 1968-1996*, tesis Ijazah Doktor Falsafah, United Kingdom, University of New Castle Upon Tyne, hlm.86-92.

<sup>11</sup> Hizbul Muslimin ditubuhkan oleh Ustaz Abu Bakar al-Baqir pada 14 Mac 1948. Ia memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Dato Onn pernah mengungkapkan ucapan "Bahaya dari Gunung itu masih ada lagi dan ditambah pula satu berbahaya lagi yang tumbuh dari tanah dan menjalar akarnya supaya orang-orang Melayu terhapus dan terjatuh kerana sebenarnya-benarnya parti Islam itu 'merah' Dato Onn berjaya menghasut British menganggap HAMIM sebagai prokomunis. Pada pukul 12.00 tengah hari, 29 Julai 1948, Ustaz Abu Bakar Baqir ditingkap di bawah Undang-undang Darurat. Beliau merengkok dalam penjara selama lima tahun. Kira-kira lebih 300 tokoh politik agama dan pemimpin Melayu ditahan kerana dituduh menentang British.

<sup>12</sup> Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor, Dr. Burhanuddin Al-Helmi: Kegiatan Nasionalisme dan Politik di Zaman Pendudukan Jepun, 1940-1945, *SEJARAH, Journal of the Department of History, University of Malaya*, Vol. 18, No. 18 (2010), hlm. 111-122.

<sup>13</sup> Abdul Halim bin Ramli, Mohammad Redzuan Othman & Ahmad Kamal Ariffin bin Mohd Ros, Reaksi PAS Terhadap Laporan Suruhanjaya Reid dan Islam Sebagai Agama Persekutuan Dalam Pembentukan Perlembagaan Merdeka, *SEJARAH, Journal of the Department of History, University of Malaya*, Vol. 20, No. 20 (2012), hlm. 167-194.

<sup>14</sup> Suara UMNO, 17 Julai 1950.

<sup>15</sup> CLC diwujudkan hasil daripada satu perbincangan di Lunar Club, Pulau Pinang dengan dihadiri oleh beberapa orang Menteri Besar, pemimpin UMNO negeri dan Majlis Kerja Tertinggi UMNO serta ahli Federal Council Keturunan Cina seperti Tan Cheng Lock, S.S. Tan, Dr. Tiang Keng dan Yong Shook Lin. Pertemuan itu menghasilkan satu jawatankuasa yang dipanggil sebagai Malay-Chinese Liaison Committee yang kemudiannya digantikan dengan Communities Liason Committee (CLC) pada 10 Januari 1949. Anggota CLC secara rasminya seramai 15 orang iaitu 6 orang Melayu, 6

orang Cina, seorang Eurasian, seorang Ceylon dan seorang Eropah. Untuk keterangan lanjut sila lihat dalam Ramlah Adam, *Dato Onn Pengasas Kemerdekaan, Kuala Lumpur*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm.180. Juga baca *akhbar Majlis*. 11 Januari 1949 dan *Straits Times* 11 Januari. 1949.

<sup>16</sup> Ramlah Adam, *Dato Onn Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm.174.

<sup>17</sup> Menurut *akhbar Majlis* bertarikh 23 Februari 1950 sebanyak lapan cadangan dibahaskan.

<sup>18</sup> Safie Ibrahim, *The Islamic Party of Malaysia: Its Formative Stages And Ideology*, Pasir Putih, Penerbitan Nuawi bin Ismail, 1981, hal 11-12. Untuk keterangan lanjut sila lihat juga peringatan Perjumpaan Alim Ulama Se- Malaya Kali Pertama pada 21 dan 22 Februari 1950, dalam Ahmad fawzi Basri, et.al. 1991. *Bumi dipijak Milik Orang*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.455-461. Lihat juga Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif, PAS 1951-1991, *Cabaran Pemantapan dan Misi*. Kuala Lumpur, Pejabat Agung PAS Pusat.

<sup>19</sup> Suara UMNO bertarikh 1 Jun 1951.

<sup>20</sup> Perlembagaan PAS 1951, fasal 4 (a), 4 (b), 4 (c), 4 (d), 4 (e).

<sup>21</sup> Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS.

<sup>22</sup> Perlembagaan PAS 1954, Fasal 17.

<sup>23</sup> Perlembagaan PAS 1954, fasal 18(2).

<sup>24</sup> Perlembagaan PAS 1951, fasal 12(1).

<sup>25</sup> Perlembagaan PAS tahun 1963, fasal 15(2).

<sup>26</sup> Di peringkat cawangan PAS akan ditadbir oleh satu jawatankuasa seperti berikut,

- i Seorang Ketua
- ii Seorang Timbalan Ketua
- iii Seorang Naib Ketua
- iv Tiga orang Ketua Dewan
- v Seorang Setiausaha
- vi Seorang Bendahari

Keterangan lanjut sila lihat dalam Perlembagaan PAS tahun 1954, fasal 15(1) dan 15(2), Fasal 16(1) dan 16(2).

<sup>27</sup> Perlembagaan PAS tahun 1954, fasal 20(3).

<sup>28</sup> Di peringkat ranting pula, PAS akan ditadbir oleh jawatankuasa berikut,

- i Seorang Ketua Ranting
- ii Seorang Naib Ketua Ranting
- iii Seorang Setiausaha Ranting
- iv Seorang Bendahari Ranting
- v Beberapa orang yang dipersetujui oleh majlis mesyuarat agung tahunan ranting sebagai AJK.

Keterangan lanjut sila lihat dalam Perlembagaan PAS tahun 1954, fasal 22(7).

<sup>29</sup> Perlembagaan PAS tahun 1954, fasal 26(1) dan 26(3).

<sup>30</sup> Perlembagaan PAS tahun 1963 fasal 26(1).

<sup>31</sup> Peringatan Mesyuarat agung Tahunan PAS kali pertama pada 3 Januari 1953, hal.12-16.

<sup>32</sup> Buku Mesyuarat Agung PAS ke-2 dan Konvensyen Pemuda Islam Sa-Malaya pada 25 Ogos 1953, hlm.7.

<sup>33</sup> Peringatan Mesyuarat Tahunan PAS pada 25, 26 dan 27 Disember 1958.

<sup>34</sup> *Utusan Malaysia*, 15 Julai 1953.

<sup>35</sup> Ahmad Izahan Ibrahim dan Mohamed Redzuan Othman, Perkembangan Parti dan Kesedaran Politik di Pasir Mas, *SEJARAH, Journal of the Department of History, University of Malaya*, Vol. 23, No. 2 (2014), hlm. 75-198.

<sup>36</sup> Faridah Ali, Dalam temuramahnya bersama Dato' Asri Haji Muda dan Senator Amaluddin Darus di ABAD Enterprise Kuala Lumpur pada 11 July, 1974 dan dilihat dlm latihan Ilmiah "Sejarah Awal Perkembangan Parti Islam Se Malaya (PAS) Di Kelantan (1953-1959), Jabatan Sejarah. UKM.1974.

<sup>37</sup> Haji Noor Haji Yussof ialah seorang tokoh dan pengasas PAS Kelantan dilahirkan di Macang Kelantan, beliau terkenal sebagai seorang yang giat berkecimpung dalam gerakan politik tanahair. Beliau telah menubuhkan PAS cawangan Macang dalam tahun 1953 dan memimpin cawangan itu sejak ditubuhkan sehinggalah beliau dilantik menjadi Pesuruhjaya PAS Negeri Kelantan 1968.

<sup>38</sup> Laporan Setiausaha cawangan Macang 1957, dalam fail Bil. 5 dalam PAS K/S 11/57.

<sup>39</sup> *Utusan Melayu*, September 1953.

<sup>40</sup> Laporan Cawangan Pasir Puteh, dalam Fail Bil. 3 dalam PAS P.P. 14/54.

<sup>41</sup> Laporan Cawangan Bachok, Dalam Fail. Bil. 1 PAS Kn. 3/57.

<sup>42</sup> *Majlis*, Julai 1955.

<sup>43</sup> Laporan Cawangan Macang, dalam Fail Bil. 5 dalam PAS K/S 11/57.

<sup>44</sup> Penyata Tahunan PAS Cawangan Macang, Fail Bil. 3 dalam PAS M. 22/58.

- <sup>45</sup> Penyata Tahunan PAS Cawangan Kota Bharu, dalam Fail PAS KN 16/56 Cawangan Kota Bharu.
- <sup>46</sup> Laporan Lengkap Cawangan, Dalam Fail Bil. 3 PAS P.P. 14/54.
- <sup>47</sup> Antaranya yang dikenal pasti akan menggugat akidah ummah ialah Islam dianggap sebagai agama warisan, tidak memahami tasawwur Islam yang komprehensif, tidak memahami sepenuhnya pengertian tentang *Tauhid Uluhiyyah, Rububiyyah dan Sifatiyyah, Enlightenment's Modernism* dimana agama dipinggirkan dalam urusan kehidupan duniawi sementara sekularisme dianggap raja dunia, pentafsiran al-Quran secara bebas, berkembangnya aliran *Feminisme*, kemunculan aliran pasca moden yang menganjurkan fahaman 'deconstructionism' dalam pembacaan teks-teks tradisi Islam seperti al-Quran, adanya pendokong faham kesatuan agama (wahdat-ul-adyaan) yang mempergunakan dialog antara tamadun (*Inter-civilizational dialogue*) sebagai premis untuk mewajarkan fahaman yang mereka dokong kononnya semua agama adalah sama. Untuk keterangan lanjut sila lihat dalam Muhammad Nur Manuty, "Islam dan Jiwa Merdeka", *Ucapan Dasar, Mukhtamar Sanawi ABIM ke-26*, Kuala Lumpur, Pejabat ABIM Pusat, 1997, hlm.8-14.
- <sup>48</sup> Hassan al-Turabi, *Islam As A Pan-National Movement And Nation States*, Kuala Lumpur, ABIM, 1992, hlm.23-30.
- <sup>49</sup> Anis Ahmad, "*Islamic Movement as Agents of Social Change*" dalam *Islamic Review, News and Views of ABIM*, No. 5/97, Kuala Lumpur, Pejabat ABIM Pusat, April-July 1997, hlm.4-6.
- <sup>50</sup> Siddiq Fadhil, "*Wacana Haraki*" dalam *Angkatan Belia Islam Malaysia*, 1971-1996, hlm.93.
- <sup>51</sup> Siddiq Fadhil, *Koleksi Ucapan Dasar Mukhtamar Sanawi ABIM*, Kuala Lumpur, Dewan Pustaka Islam, 1989, hlm.180.
- <sup>52</sup> Dalam konteks ABIM, ini adalah kaedah yang berdasarkan pengalaman perjuangan ABIM. Menurut pencetus konsep ini iaitu Mantan Presiden ABIM ke-3, Dr.Siddiq Fadhil, ia bererti ABIM mempertahankan model gerakan Islam yang mempunyai ciri-cirinya tersendiri yang beroperasi dalam lingkungannya yang serba unik tanpa menjadi Salinan karbon kepada mana-mana gerakan Islam di dunia. ABIM beroperasi dalam lingkungan alam Melayu dan sudah semestinya cabaran yang dihadapi berbeza dengan di tempat lain dan memerlukan formula yang mampu menghadapi cabaran dalam lingkungannya. Teras kegiatan bagi strategi umumnya meliputi 3 perkara iaitu kepimpinan antarabangsa model pembangunan sosial dan penggerak politik. Bagaimanapun ini tidak bertujuan menafikan manhaj Rasulullah SAW. Lihat ahmad Azam Abd. Rahman, Manhaj Maliziy dan lain-lain, dalam *ABIM 1971-1997*, Kuala Lumpur, Pejabat ABIM Pusat, 1996, hlm.79.
- <sup>53</sup> Ziauddin sardar, *Masa Hadapan Islam Bentuk Idea Yang Akan Datang*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm.5.
- <sup>54</sup> Muhammad Nur Manuty, *Pertembungan Tamadun, Agenda Umat*", *Ucapan Dasar Mukhtamar Sanawi ABIM ke-22*, pada 22-29 Ogos 1993 di Dewan Hang Jebat Pusat Ekspo Air Keroh, Melaka, hlm.5.
- <sup>55</sup> Fazlur Rahman, *Islamic Methodology in History*, Karachi, Central Institute of Islamic Research, 1965, hlm.142-144.
- <sup>56</sup> Muhammad Yusuf Qardhawi, *Islam Dakwah Yang Syumul*, Kuala Lumpur, ABIM, 1983, hlm.3.
- <sup>57</sup> Abdul Ghafar Don, "Integrasi Politik Dan Dakwah." Dalam *Dakwah Dan Etika Politik Di Malaysia*, ed. Zulkiple Abd. Ghani, Kuala Lumpur, Utusan Publications And Distributors Sdn. Bhd, 2005, hlm. 15-16.
- <sup>58</sup> J.Funston, *Malay Politics in Malaysia A Study of PAS and UMNO*, hal. 102.
- <sup>59</sup> Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) [Pindaan 2001], Fasal 5 (2) & Fasal 6. (9).
- <sup>60</sup> Hamdan Muhammad, *PAS dan Isu-Isu Agama*, Kuala Lumpur, Unit Buku Harakah, 2013, hlm.2.
- <sup>61</sup> Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS), [Pindaan 2001], Fasal 3.
- <sup>62</sup> Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS), [Pindaan 2001], Fasal 5 (1).
- <sup>63</sup> Yusof Rawa, *Ke Arah Pembebasan Ummah*, Pejabat Agung PAS di Mukhtamar Tahunan PAS Ke-29 pada 29 April 1983 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- <sup>64</sup> J. Funston, *Malay Politics in Malaysia: A Study of PAS and and UMNO*, hal.135.
- <sup>65</sup> Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) [ Pindaan 2001], Fasal 4.
- <sup>66</sup> Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) [Pindaan 2001], Fasal 6 (1).
- <sup>67</sup> Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) [Pindaan 2001], Fasal 6 (2).
- <sup>68</sup> Abdul Hadi Awang. *Muqaddimah Aqidah Muslimin*, Penerbit Gedung Gua, Kuala Lumpur. 1985, hlm.37.
- <sup>69</sup> Baharuddin Abdul Latif, *Islam Memanggil: Rencana-Rencana Sekitar Perjuangan PAS (1951-1987)*, hlm:12.
- <sup>70</sup> Zulkifli Muhammad, Rancangan Perjuangan PAS dlm. *PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan*, hlm.119. Lihat juga *Suara Islam*. 15 Mei 1957.
- <sup>71</sup> Panel Pengkaji Sejarah PAS, *PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan*, hlm.8.
- <sup>72</sup> *Suara Islam*, 15 Mei 1957.
- <sup>73</sup> *Qalam*, Januari 1953.

- <sup>74</sup> Panel Pengkaji Sejarah PAS, *PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan*, hlm.125.
- <sup>75</sup> *Memahami dan Mengenali Perjuangan Parti Islam Se-Malaysia (PAS)*, Jabatan Penerangan PAS Pusat. Kuala Lumpur. (t.t). hlm.6.
- <sup>76</sup> Mashitah Sulaiman dan Mohammad Redzuan Othman, Islamisasi dan kaitannya dengan hubungan serantau Malaysia–Indonesia, *SEJARAH, Journal of the Department of History, University of Malaya*, Vol. 23, No. 1 (2014), hlm.203-229.
- <sup>77</sup> Nik Abdul Aziz Nik Mat. 2012. *Ucapan Dasar Tuang Guru Al-Mursyidul Am PAS*. Kota Bahru, Kelantan. 12 September 2012.
- <sup>78</sup> Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1994/1995, hlm.11.
- <sup>79</sup> Fadzil Mohd Nor, *Bertekad Mencapai Kemenangan*, Kuala Lumpur, Pejabat Agung PAS, 1998, hlm. 16.
- <sup>80</sup> Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1987/1988, hlm.17.
- <sup>81</sup> Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1989/1990, hlm.19.
- <sup>82</sup> Program Daurah Tadribiyah diadakan secara bersiri mengikut zon. Zon Utara (Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak) pada 6-8 Ogos 1993; Zon Tengah (Pahang, Selangor dan Wilayah Persekutuan) pada 15-17 Oktober 1993; Zon Malaysia Timur, Sabah pada 14 Oktober 1996. (Lihat: Laporan Tahunan PAS Pusat sesi 1996/1997, hlm.20).
- <sup>83</sup> Laporan Tahunan PAS Pusat sesi 1993/1994, hlm.19.
- <sup>84</sup> Harun Taib, dalm. *Manhaj Daurah Tadribiyah, Lajnah Tarbiyyah* dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat, Kuala Lumpur, 2001, hlm.9.
- <sup>85</sup> Abdul hadi Awang, *Manhaj Daurah Tadribiyah*, hlm.5.
- <sup>86</sup> Laporan tahunan PAS Pusat Sesi 1994/1995, hlm. 40 & Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 2000/2001, hlm. 9.
- <sup>87</sup> Laporan tahunan PAS Pusat Sesi 2002/2003, hlm.33. Lihat juga Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 2001/2002, hlm.26.
- <sup>88</sup> Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1999/2000, hlm.40. Lihat juga Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1998/1999, hlm.39.
- <sup>89</sup> Memorandum PAS kepada Majlis Perunding Ekonomi Negara (MPEN) tahun 1990. Lihat *Harakah*, 16-31 Januari, 2005.
- <sup>90</sup> *Mingguan Pedoman*, 12 Januari 1957.
- <sup>91</sup> Abdul Rashid bin Haji Ahmad, ‘*Kedudukan Pondok Dalam Masyarakat-Kelantan*’, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1966, hlm.39.
- <sup>92</sup> *Ibid.* hal.40.
- <sup>93</sup> Abdul Rashid bin Haji Ahmad, ‘*Kedudukan Pondok Dalam Masyarakat-Kelantan*’, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1966, hlm.43.
- <sup>94</sup> Mohd Taib Osman, *An Introduction to The Development of Modern Language and Literature*, Eastern University. Press. Ltd., hlm.7.
- <sup>95</sup> G.P. Means, *Malaysia Politics*, University of London Press, 1970. hal.226.
- <sup>96</sup> *Utusan Melayu*, 7 Julai 1959.

## **Bibliografi**

### **Sumber Primer**

- Laporan Cawangan Bachok. Dalam Fail. Bil. 1 PAS Kn. 3/57.
- Laporan Cawangan Macang. dalam Fail Bil. 5 dalam PAS K/S 11/57.
- Laporan Lengkap Cawangan. Dalam Fail Bil. 3 PAS P.P. 14/54.
- Laporan Cawang Pasir Puteh. dalam Fail Bil. 3 dalam PAS P.P. 14/54.
- Laporan Setiausaha cawangan Macang 1957. dalam fail Bil. 5 dalam PAS K/S 11/57.
- Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1987/1988.
- Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1989/1990.
- Laporan Tahunan PAS Pusat sesi 1993/1994.
- Laporan tahunan PAS Pusat Sesi 1994/1995.
- Laporan Tahunan PAS Pusat sesi 1996/1997.
- Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1998/1999.
- Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1999/2000.

- Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 2000/2001.  
Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 2001/2002.  
Laporan tahunan PAS Pusat Sesi 2002/2003.  
Perlembagaan PAS 1951. fasal 4 (a), 4 (b), 4 (c), 4 (d), 4 (e).  
Perlembagaan PAS 1951. fasal 12(1).  
Perlembagaan PAS tahun 1963. fasal 15(2).  
Perlembagaan PAS tahun 1954. fasal 15(1) dan 15(2), Fasal 16(1) dan 16(2).  
Perlembagaan PAS 1954. Fasal 17.  
Perlembagaan PAS 1954. fasal 18(2).  
Perlembagaan PAS 1954. fasal 19(1).  
Perlembagaan PAS tahun 1954. fasal 20(3).  
Perlembagaan PAS tahun 1954. fasal 21.  
Perlembagaan PAS tahun 1954. fasal 22(7).  
Perlembagaan PAS tahun 1954. fasal 26(1) dan 26(3).  
Perlembagaan PAS tahun 1963. fasal 26(1).  
Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) [Pindaan 2001]. Fasal 3.  
Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) [Pindaan 2001]. Fasal 4.  
Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) [Pindaan 2001]. Fasal 5 (1).  
Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) [Pindaan 2001]. Fasal 5(2) & Fasal 6. (9).  
Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) [Pindaan 2001]. Fasal 6 (1).  
Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) [Pindaan 2001]. Fasal 6 (2).  
Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali pertama pada 3 Januari 1953.  
Peringatan Mesyuarat Tahunan PAS pada 25, 26 dan 27 Disember 1958.  
Penyata Tahunan PAS Cawangan Macang. Fail Bil. 3 dalam PAS M. 22/58.  
Penyata Tahunan PAS Cawangan Kota Bharu. dalam Fail PAS KN 16/56 Cawangan Kota Bharu.  
Memorandum PAS kepada Majlis Perunding Ekonomi Negara (MPEN) tahun 1990.  
Minit Mesyuarat Agung PAS ke-2. 1953 dan Konvensyen Pemuda Islam Sa-Malaya pada 25 Ogos 1953.  
Koleksi Ucapan Dasar Mukhtamar Sanawi ABIM Siddiq Fadhil, 1989. Kuala Lumpur. Dewan Pustaka Islam.  
Ucapan Dasar ABIM. 1997. Muhammad Nur Manuty. "Islam dan Jiwa Merdeka Mukhtamar Sanawi ABIM ke-26, Kuala Lumpur.  
Ucapan Dasar Mukhtamar Sanawi ABIM ke-22, 2013. Muhammad Nur Manuty. Pertembungan Tamadun: Agenda Umat. pada 22-29 Ogos 1993 di Dewan Hang Jebat Pusat Ekspo Air Keroh. Melaka.  
Ucapan Dasar Presiden PAS, 2001. Dato' Fadzil Noor yang berjudul "Menyanggah Serangan. Menjana Kemenangan. "Kuala Lumpur. Markaz Tarbiyah PAS.  
Ucapan Dasar Tuang Guru Al-Mursyidul Am PAS 2012. Nik Abdul Aziz Nik Mat. 2012. Kota Bharu. Kelantan. 12 September.  
Akhbar Majlis 11 Januari 1949.  
Akhbar Majlis 23 Februari 1950.  
Harakah 16-31 Januari 2005.  
Straits Times 11 Januari 1949.  
Suara UMNO 17 Julai 1950.  
Suara UMNO 1 Jun 1951.  
Utusan Melayu 25 November 1951.  
Utusan Malaysia 15 Julai 1953.  
Utusan Melayu September 1953.  
Qalam. Januari 1953.  
Suara Islam 15 Mei 1957.

## Sumber Sekunder

- Abdul Ghafar Don, "Integrasi Politik Dan Dakwah." Dalam *Dakwah Dan Etika Politik Di Malaysia*. ed. Zulkiple Abd. Ghani, Kuala Lumpur: Utusan Publications And Distributors Sdn Bhd, 2005.
- Abdul Hadi Awang, *Muqaddimah Aqidah Muslimin*, Penerbit Gedung Gua: Kuala Lumpur, 1985.
- Abdul Halim Ramli, Mohammad Redzuan Othman, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Ros, Reaksi PAS Terhadap Laporan Suruhanjaya Reid dan Islam Sebagai Agama Persekutuan Dalam Pembentukan Perlembagaan Merdeka, *SEJARAH, Journal of the Department of History*, Vol. 20 (20), 2012.
- Ahmad Izahan Ibrahim, Mohamed Redzuan Othman, Perkembangan Parti dan Kesedaran Politik di Pasir Mas. *SEJARAH, Journal of the Department of History, University of Malaya*. Vol. 23 (2), 2014.
- Abdul Rashid bin Haji Ahmad, 'Kedudukan Pondok Dalam Masyarakat-Kelantan', Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1996.
- Amin Fadillah, Mohammad Redzuan Othman, Dinamika PAS (Malaysia) dan PKS (Indonesia) dalam Perjuangan Mewujudkan Negara Islam, 1998-2008, *SEJARAH, Journal of the Department of History*, Vol. 21 (1), 2013.
- Baharuddin Abdul Latif. (t.t), *Islam Memanggil: Rencana-Rencana Sekitar Perjuangan PAS (1951-1981)*, Kuala Lumpur: Pejabat Agung PAS Pusat.
- Ahmad Azam Abd. Rahman, Manhaj Maliziy dan lain-lain dalam *ABIM 1971-1997*, Kuala Lumpur: ABIM, 1996.
- Anis Ahmad, "Islamic Movement as Agents of Social Change" dalam *Islamic Review News and Views of ABIM*. No. 5/97, Kuala Lumpur: ABIM, 1997
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. (t.t), *Islamic Resurgence In The Periphery: A Study Of Political Islam In Contemporary Malaysia With Special Refrence To The Darul Arqam Movement 1968-1996*, Tesis Doktor Falsafah University of New Castle Upon Tyne, United Kingdom.
- Fadzil Mohd Nor, *Bertekad Mencapai Kemenangan*. Kuala Lumpur:Pejabat Agung PAS, 1998.
- Faridah Ali, Sejarah PAS di Kelantan 1953-1959, *JEBAT*, Bil. 314, Jabatan Sejarah, Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 1974.
- \_\_\_\_\_, Latihan Ilmiah, *Sejarah Awal Perkembangan Parti Islam Se Malaya (PAS) Di Kelantan (1953-1959)*, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1974.
- Fathi Yakan, *Apa Ertinya Saya Mengenal Islam* (terjemahan) Alias Othman, Kuala Lumpur. Pustaka Salam, 1984.
- Fazlur Rahman, *Islamic Methodology in History*, Karachi: Central Institute of Islamic Research, 1965.
- Funston. J., *Malay Politics in Malaysia A Study of PAS and UMNO*, Petaling Jaya. Heinemann Education Books, 1980.
- G.P. Means, *Malaysia Politics*, University of London Press, 1970
- Hamdan Muhammad, *PAS dan Isu-Isu Agama*. Unit Buku Harakah. Kuala Lumpur, 2013
- Hamzah Ya'qub, *Publisistik Islam Teknik Da'wah dan Leadership*, Bandung. C.V. Diponegoro, 1992.
- Harun Taib dalm. *Manhaj Daurah Tadribiyah, Lajnah Tarbiyyah dan Latihan Kepimpinan PAS*, Kuala Lumpur, Pejabat PAS Pusat, 2001.
- Hassan al-Turabi, *Islam As A Pan-National Movement And Nation States*, Kuala Lumpur. Pejabat ABIM Pusat, 1992.

- Mashitah Sulaiman dan Mohammad Redzuan Othman, Islamisasi dan kaitannya dengan hubungan serantau Malaysia – Indonesia, *SEJARAH, Journal of the Department of History, University of Malaya*, Vol. 23 (1), 2014.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor, Dr. Burhanuddin Al-Helmi: Kegiatan Nasionalisme dan Politik di Zaman Pendudukan Jepun, 1940-1945. *SEJARAH, Journal of the Department of History, University of Malaya*, Vol. 18 (18), 2010.
- Mohd Taib Osman. (t.t). *An Introduction to The Development of Modern Language and Literature*, Eastern University Press. Ltd.
- Muhammad Abu Al-Fathi Al-Bayanuniy, *Penyatuan Kerja Gerakan Islam: Di Antara Kenyataan dan Harapan*. terjemahan Mustaffa Mat Daud. Petaling Jaya. Budaya Ilmu Sdn. Bhd, 1992.
- Muhammad Yusuf Qardhawi, *Islam Dakwah Yang Syumul*, Kuala Lumpur: Pejabat ABIM Pusat, 1983.
- Nordi Achie, Islam dan Politik di Malaysia: Satu Penelitian Awal Terhadap Sejarah, Pergolakan dan Perjuangan Politik Harakah, 1987-2007, *SEJARAH: Journal of the Department of History*, Vol. 26 (2), 2017.
- Panel Pengkaji Sejarah PAS, *PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan*, Shah Alam: Panel Pengkaji Sejarah, 1999.
- Ramlah Adam, *Dato Onn Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983.
- Shamsul Azhar Yahya, Penglibatan Politik dan Penindasan ke atas Ikhwan Al-Kuslimin dalam Sejarah Perkembangan Politik Mesir, 1928-2005, *SEJARAH: Journal of the Department of History*, Vol.16 (16), 2008.
- Safie Ibrahim, *The Islamic Party of Malaysia: Its Formative Stages And Ideology*, Pasir Putih: Penerbitan Nuawi bin Ismail, 1981.
- Siddiq Fadhil, “Wacana Haraki” dalam Angkatan Belia Islam Malaysia 1971-1996, Kuala Lumpur, Pejabat ABIM Pusat, 1987.
- Sidi Gazalba, *Islam dan Perobahan Sosiobudaya (Kajian Islam Tentang Perubahan Masyarakat)*, Jakarta: Pustaka Alhusna, 1983
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism* Kuala Lumpur: International Institute Of Islamic Thought And Civilization, 1993. ,
- Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif, PAS 1951-1991: *Cabaran Pemantapan dan Misi*, Kuala Lumpur. Pejabat Agung PAS.
- Yusof Rawa. (t.t), *Ke Arah Pembebasan Ummah*. Pejabat Agung PAS di Muktamar Tahunan PAS Ke-29 pada 29 April 1983, Kuala Lumpur. di Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ziauddin Sardar, *Masa Hadapan Islam Bentuk Idea Yang Akan Datang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.